

# Buletin

ACIS

Dzulkaedah-Zulhijjah 1442/ Julai 2021

## Monolog **Covid-19:** Antara Peringatan dan **Nikmat Yang Hilang**

Penubuhan Jabatan/ Institusi  
Fatwa di Malaysia: Johor,  
Melaka dan Negeri  
Sembilan

ms 5

Sifat **Pemimpin Islam**  
yang Berpengaruh  
ms 6

Sinergi Aidilfitri Motivasi  
Kesejahteraan **Mental** dan  
**Spiritual**  
ms 7



# Buletin ACIS

## SIDANG REDAKSI

### Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin  
(Rektor)

### Penasihat:

Hisam Satari  
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

### Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah  
Nasif Sidquee Pauzi  
Nur Sofiah binti Suhaimi

### Sidang Pengarang:

Hisam Satari  
Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh  
Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah  
Suhaila Sharil

### Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Seremban  
Persiaran Seremban Tiga/1  
70300 Seremban 3,  
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan  
artikel akademik atau apa-apa  
hasil karya?

Hantarkan ke

[faizubaaidah@uitm.edu.my](mailto:faizubaaidah@uitm.edu.my)

## Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ke-33 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "*Monolog Covid-19: Antara Peringatan dan Nikmat yang Hilang*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

## Isi Kandungan

Monolog Covid-19: Antara peringatan  
dan Nikmat yang Hilang 3

Penubuhan Jabatan/ Institusi Fatwa  
Di Malaysia: Johor, Melaka dan negeri  
Sembilan 5

Sifat Pemimpin Islam yang  
Berpengaruh 6

Sinergi Aidilfitri Motivasi  
Kesejahteraan Mental dan Spiritual 7

## HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan  
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>

# Monolog COVID-19: Antara Peringatan dan Nikmat yang Hilang

Oleh: Hisam Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan


Seluruh umat manusia diuji dengan wabak COVID-19, seolah-olah tiada tanah dimuka bumi ini yang tiada virus tersebut. Pelbagai usaha dan ikhtiar telah dilaksanakan bersama bagi menghadapinya. Umat Islam juga turut diuji sebagaimana umat yang lain, ia datang tanpa memilih anutan, warna kulit, bahasa dan benua. Barangkali hanya di kutub utara dan selatan sahaja yang masih belum ada kes yang dilaporkan.

Umat Islam bercampur baur perasaan dan penerimaan atas ujian ini. Sudah tentu kita sebagai umat yang beriman mengembalikan semua ini kepada kuasa dan takdir Allah Taala. Nikmat merupakan anugerah dan kurnia yang Allah Taala berikan dengan izin dan kehendakNya kepada manusia supaya manusia bersyukur dan kembali mengingatinya dengan menyembah dan beribadah kepadaNya. Kenikmatan yang Allah Taala anugerahkan ini terkadang menjadikan kita lupa kerana ia berulang sehingga menjadi suatu kebiasaan, seperti udara oksigen yang kita sedut sepanjang hayat ini, pancaindera yang sempurna, kesihatan tubuh badan, pekerjaan yang kita lakukan sehari-hari dan banyak lagi nikmat yang dirasai. Apabila manusia lupa untuk mensyukurinya, maka Allah Taala akan menguji dengan menarik sedikit demi sedikit nikmat supaya manusia kembali semula menyedari bahawa segala nikmat sangat mudah bagi Allah Taala untuk memberi dan menghilangkannya.

Banyaknya nikmat yang telah terlepas sepanjang ujian COVID-19 ini, antaranya:

Bila syiar azan berkumandang memanggil untuk hadir menunaikan solat berjemaah, banyak alasan bermain dalam fikiran, antaranya sibuk, sedang bekerja, sedang bermesyuarat, sedang berniaga, penat dan pelbagai lagi. Apabila COVID-19 muncul dan kita disarankan untuk menunaikan solat berjemaah di rumah bersama ahli keluarga, rupa-rupanya baru kita sedari cabarannya untuk mengajak isteri dan suami serta anak-anak berjemaah sehingga ia berakhir dengan solat secara bersendirian. Pada saat itu, barulah terasa hilangnya nikmat berjemaah di masjid dan surau. Hilangnya peluang pahala berjemaah 25 atau 27 gandaan berbanding solat sendirian.

Wuduk yang diambil dengan sempurna dan setiap langkah yang diatur untuk berjemaah di masjid atau surau dapat menghapus dosa dan meningkatkan darjat di sisi Allah. Abu Hurairah r.a berkata: bersabda Rasulullah SAW: "Siapa yang berwuduk di rumahnya, kemudian berjalan ke masjid untuk menunaikan solat fardhu, maka semua langkahnya dihitung yang selangkah untuk menghapuskan dosa dan langkah kedua untuk menaikkan darjat" (Riwayat Muslim). Ibnu Umar r.a berkata:



Rasulullah SAW bersabda: *Solat berjemaah lebih dari solat sendirian dengan dua puluh tujuh darjat* (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila disuruh bersalaman dengan saudara seagama tatkala bersua atau bertemu, kita acuh tak acuh semasa menggenggam tangan dan mahu cepat melepaskannya. Apabila COVID-19 muncul kini kita dilarang bersentuhan dan berjabat tangan, baru ia teringat pesan Nabi SAW siapa yang berjumpa saudara yang seiman lalu berjabat tangan maka selama ia bersalaman berguguranlah dosa-dosanya. Al-Barra' r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Tiada dua orang Muslim yang bertemu lalu berjabat tangan, melainkan diampunkan dosa keduanya selama belum berpisah" (Riwayat Abu Dawud).

Senyuman adalah hadiah yang sangat bermakna bagi setiap orang, senyuman mengeratkan hubungan dan menghilangkan tekanan. Apabila COVID-19 datang kita diarah untuk memakai pelitup muka, senyuman indah dan menawan sudah tidak lagi dapat kita berikan. "Senyumu di depan saudaramu, adalah sedekah bagimu" (Riwayat Tirmizi). "Janganlah engkau meremehkan kebaikan sedikitpun, meskipun hanya dengan bertemu dengan saudaramu dengan wajah yang berseri" (Riwayat Muslim).

Ketika solat berjemaah kita disuruh untuk merapatkan saf sehingga menyentuh bahu masing-masing sebagai tanda kesatuan umat Islam dan tidak memberi ruang untuk diganggu oleh syaitan sehingga hilang tumpuan ketika solat. Tetapi ada yang memberi reaksi tidak selesa tatkala bahu jemaah tersentuh bahu kita. Apabila COVID-19 datang, kita diarah menjarakkan saf solat, ketika itulah

kita beralasan saf yang renggang akan dihuni oleh syaitan, saf yang tidak mengikut sunnah nabi dan macam-macam lagi... Lupa yang saf sedemikian dianjurkan ialah ketika tiada rukhsah dan illah, penjarakan ini ialah demi keselamatan nyawa dan orang lain. Jabir bin Samurah r.a berkata: Rasulullah SAW keluar menemui kami lantas bersabda:

*"Tidakkah kamu berbaris sebagaimana barisan Malaikat di sisi TuhanNya? Kami bertanya: Ya Rasulullah, bagaimanakah barisan mereka di depan TuhanNya? Jawab Nabi SAW: Menyempurnakan barisan pertama dan rapat dalam barisan" (Riwayat Muslim).*



Apabila masjid dan surau menganjurkan majlis taman syurga, cepat-cepat kita bangun keluar dari masjid atas alasan untuk menunaikan urusan. Apabila COVID-19 datang dan majlis taman syurga tidak dibenarkan, ketika itulah kita seperti kehilangan sesuatu yang indah, kehilangan doa keampunan dan kasih sayang Allah SWT yang dipohon oleh para malaikat kepada penghuni taman. Moga taman syurga yang dijalankan secara dalam talian, kita tidak lagi terlepas untuk menyertainya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*"Barangsiaapa yang menempuh suatu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah memudahkan untuknya jalan menuju Syurga" (Riwayat Muslim).*



Apabila solat Jumaat hanya dibenarkan jemaahnya mengikut ketetapan pihak berkuasa agama, ketika itulah kita terasa betapa ruginya tidak bersolat Jumaat, betapa ramai yang hadir solat Jumaat ketika azan kedua sudah dikumandangkan, berapa ramai yang masih sayang memutuskan dirinya dengan dunia tatkala khatib membaca khutbah, ada yang masih sibuk dengan urusan dunia melihat mesej dan berbalas mesej tanpa peduli intipati khutbah yang disampaikan. Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda:

*"Solat lima waktu dan Jumaat hingga Jumaat, sebagai penebus dosa-dosa yang terjadidi waktu itu selama tidak melakukan dosa besar" (Riwayat Muslim).*



Menziarahi orang tua yang masih ada dan menziarahi kubur mereka yang telah tiada dianjurkan sebagai tanda kasih kita pada mereka. Dahulu kita beri alasan sibuk dan tiada masa, namun setelah COVID-19 datang dan kita tidak dibenarkan berziarah serta rentas daerah serta negeri, barulah kita rasa kehilangan nikmat berhari raya bersama keluarga dan sanak saudara. Berayalah kita bersama pasangan dan anak-anak dengan senyuman tawar dan beraya bersama saudara-mara secara online. Abu Hurairah r.a berkata: Rasulullah SAW bersabda:

*"Siapa yang percaya kepada Allah dan hari kiamat hendaklah ia menghormati tetamu, dan siapa yang percaya kepada Allah dan hari kiamat hendaklah menghubungi sanak saudara (menjaga persaudaraan). Dan siapa yang percaya kepada Allah dan hari kiamat hendaklah berkata baik atau diam." (Riwayat Bukhari dan Muslim)*

Menziarahi orang yang sedang sakit merupakan tuntutan mulia dalam Islam. Selain mengingatkan kita bahawa kesihatan merupakan nikmat yang paling besar untuk kita beribadah, ia juga ruang untuk kita mendoakan pesakit agar sabar dengan musibah yang dihadapi. Peluang berziarah ini tidak dapat dilakukan dengan kehadiran COVID-19. Thauban r.a berkata: Baginda Nabi SAW bersabda:

*"Seorang Muslim jika menziarahi saudaranya sesama Muslim, tetap berada dalam kebun syurga sehingga ia kembali, ketika ditanya: apakah itu kebun syurga? Jawab Nabi SAW: kebun yang sedang berbuah" (Riwayat Muslim).*

Kesimpulannya, syukurilah ruang yang ada dengan meningkatkan amal ibadah dan bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah Taala.

Rujukan:

Salim Bahreisy .1977. Riadhus Shalihin. jilid 1 dan 2 .PT al-Maarif Bandung



# Penubuhan Jabatan/ Institusi Fatwa di Malaysia: JOHOR, **MELAKA** dan **NEGERI SEMBILAN**

Oleh: Dr. Mohd Kamel Bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Setiap negeri di Malaysia mempunyai sejarah tersendiri berkenaan dengan penubuhan Jabatan Mufti atau institusi fatwa di negeri masing-masing. Penulisan ini akan menjelaskan berkenaan dengan susur galur kronologi bagaimana ia ditubuhkan di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.



## Johor:

Institusi Mufti di Johor telah wujud seawal zaman Kesultanan Melayu Johor Riau. Dalam pentadbiran Johor Moden, Sahibus Samahah Mufti telah menjadi pegawai awam yang penting iaitu sebagai Penasihat Agama Islam dan Pegawai Istana kepada DYMM Sultan Johor. Penglibatan Mufti dalam pentadbiran Kerajaan yang terawal dapat direkodkan ialah sebagai saksi kepada pemasyturan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor pada 24 Rabiul Awal, 1313 Hijrah bersamaan 14 September 1895.

Selepas undang-undang ini diluluskan, banyak rombakan dalam struktur perjawatan Kerajaan Negeri Johor telah dilakukan. Badan Mesyuarat Kerajaan dan Jabatan Agama Islam Johor juga ditubuhkan. Segala kemosykilan berkenaan dengan syariat Islam dirujuk kepada Mufti kerajaan. Pada tahun 1925, Majlis Agama Islam Johor ditubuhkan dan institusi kefatwaan diletakkan di bawah Majlis yang berperanan membuat keputusan berkenaan fatwa, menyemak kandungan kitab dan lain-lain.

Kewujudan institusi fatwa di Johor dilihat lebih awal berbanding negeri-negeri lain. Jawatankuasa Syariah yang dikenali sebagai Lujnah Fatwa hanya ditubuhkan pada tahun 1978. Sebelum itu, segala permasalahan hukum diselesaikan sendiri oleh Mufti. Lujnah ini ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Bil. 14, 1978 yang

memperuntukkan supaya dibentuk sebuah jawatankuasa bagi membantu Mufti dalam mengeluarkan fatwa. Mufti sendiri bertindak sebagai pengurus dan dianggotai tidak lebih daripada empat orang yang layak.

Sebelum 1 Januari 2000, Jabatan Mufti Johor adalah sebahagian daripada bahagian-bahagian di Jabatan Agama Johor. Dengan lain perkataan, segala polisi, objektif dan hal ehwal pentadbiran dan kewangan serta pegawai dan kakitangan tertakluk kepada Jabatan Agama Johor. Pengarah Jabatan Agama Johor adalah sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan yang akan membuat ketentuan dan keputusan mengenai semua hal pentadbiran. Mulai 1 Januari 2000, dengan persetujuan Kerajaan Negeri Johor, Bahagian Mufti telah berpisah dengan Jabatan Agama Johor dan dikenali sebagai Jabatan Mufti Johor yang mana Sahibus Samahah Mufti adalah sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan. Mufti pertama negeri Johor ialah Habib Salim Bin Ahmad al-Attas (1873-1899).



## Melaka:

Institusi kefatwaan di negeri Melaka mula wujud sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Semasa penjajahan, kerajaan Inggeris telah melantik seorang Mufti sebagai Penolong Pendaftar untuk menasihati Pendaftar dalam hal ehwal agama Islam. Selepas merdeka, Negeri Melaka telah pun mewujudkan satu enakmen yang dinamakan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1959 (kemudiannya dipinda pada tahun 1991 dan 2002).

Undang-undang ini menyatakan bahawa satu Jawatankuasa Syariah hendaklah ditubuhkan di negeri Melaka yang dipengerusikan oleh Mufti yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong, dua orang wakil Majlis Agama Islam Melaka dan tidak kurang enam orang Islam lain yang layak. Jawatan Mufti dan fungsinya diwujudkan secara rasmi di bawah enakmen ini. Tugas

Mufti dan Jawatankuasa ialah mengeluarkan fatwa dan bertanggungjawab dalam hal-hal lain berkait dengan agama Islam.

Di peringkat awal, Jabatan Mufti Melaka merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Ia dikenali sebagai Bahagian Fatwa. Bagaimanapun, pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan surat pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia. Semenjak itu, bermulalah wujudnya sebuah institusi fatwa di Negeri Melaka yang dikenali sebagai Pejabat Mufti Negeri Melaka yang diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri Melaka. Mufti pertama negeri Melaka ialah Tuan Haji Hasan bin Haji Abu Bakar yang berkhidmat dari tahun 1957-1979.



#### Negeri Sembilan:

Pada 18 November, 1950, bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Bandar Seremban, satu perbincangan telah diadakan untuk

menubuhkan Majlis Mesyuarat Agama bertujuan memberi bantuan dan memberi nasihat di atas perkara-perkara berkenaan dengan agama negeri, agar perjalanan pentadbiran agama lebih sempurna. Jabatan Mufti Negeri Sembilan secara rasmi ditubuhkan pada tahun 1960 setelah terbentuknya Peraturan Jawatankuasa Syariah. Sebarang perbincangan berkaitan fatwa dibahaskan dalam Jabatan tersebut yang merangkumi jawatan Mufti dan Jawatankuasa Syariah tersebut. Ia rentetan daripada pembentukan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan pada tahun yang sama.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan merupakan sebuah Jabatan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Peringkat awalnya ia merupakan salah satu bahagian di Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan yang bertanggungjawab untuk membantu menasihati Paduka Seri Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Badan Berkanun dan Masyarakat keseluruhannya berkaitan dengan semua perkara dalam Hal Ehwal Agama dan Hukum Syarak.

Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai pengasingan Bahagian Fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia termasuk Negeri Sembilan. Pada bulan Januari 1997 Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dipisahkan daripada pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, yang bertempat di Tingkat 2, Bangunan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, Jalan Dato' Hamzah, Seremban. Kini, Jabatan Mufti terletak di Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Mufti pertama Negeri Sembilan ialah Tuan Sheikh Haji Ahmad bin Haji Mohd Said (1950-1964).

# Sifat Pemimpin Islam yang Berpengaruh

Oleh: **Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Kepimpinan merupakan satu aspek yang amat penting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Kepimpinan akan mencorakkan perjalanan sesebuah masyarakat sama ada menuju ke arah kecemerlangan ataupun terjerumus ke suatu keadaan yang tidak baik. Sesuatu kepimpinan amat perlu menitikberatkan kepada beberapa perkara utama yang menjadi tunjang kepada sesebuah kepimpinan tersebut. Seseorang pemimpin dilihat amat berpengaruh dalam menentukan corak sesebuah masyarakat kerana kedudukan mereka yang begitu penting dalam sesebuah masyarakat.

Keperluan utama ialah pemilihan pemimpin yang **beriltizam dan beristiqamah dengan ajaran Islam**. Seseorang yang beriltizam dengan ajaran Islam akan menjadikannya sebagai seorang pemimpin yang bertaqwa kepada Allah SWT. Dengan sifat istiqamah pula mereka akan sentiasa berjalan di atas landasan syariat Islam. Pemimpin seumpama ini akan disegani dan mendapat kepercayaan masyarakat untuk menjadi seorang pemimpin yang bertanggungjawab. Kedua, **sentiasa menegakkan kebenaran dan keadilan**. Dalam surah al-Baqarah ayat 42 maksudnya "dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu padahal kamu semua mengetahuinya". Menegakkan kebenaran merupakan tugas

untuk melahirkan keutuhan dalam kepimpinan Islam. Manakala keadilan pula membawa maksud memberikan hak kepada yang sepatutnya dan menjauhi orang yang tidak sepatutnya serta tidak berlaku zalim kepada orang di bawah pimpinannya.

Ketiga, **ikhlas dan jujur**. Dalam surah al-Zumar ayat 14 bermaksud "Katakanlah bahawa Allah SWT jualah yang aku sembah dengan mengikhlaskan amalan agamaku kepadanya". Seorang pemimpin hendaklah sentiasa melakukan sesuatu perkara dan pekerjaan itu dengan penuh ikhlas dan jujur tanpa adanya sebarang kepentingan diri. Sebaliknya, mereka mestilah sentiasa mengingati bahawa kepimpinan itu adalah satu amanah dan tanggungjawab. Seterusnya, **menjadikan kepimpinan Rasulullah SAW sebagai satu ikutan**. Dalam surah al-Ahzab ayat 21 bermaksud "Sesungguhnya bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu satu panduan atau contoh teladan yang terbaik bagi sesiapa yang mengharapkan keredhaan Allah dan balasan yang baik pada hari qiamat serta mereka mengingati Allah banyak-banyak".

Setiap pemimpin mestilah menjadikan Rasulullah SAW sebagai model kepimpinan serta sentiasa bercita-cita untuk melaksanakan aspek kepimpinan sepertimana yang dilaksanakan oleh baginda. Mereka mestilah mengakui bahawa kepimpinan Rasulullah SAW adalah merupakan satu bentuk kepimpinan yang sempurna dalam semua aspek kehidupan. Dengan melengkapkan aspek-aspek tersebut akan melahirkan bentuk kepimpinan yang berpengaruh dan mencapai keredhaan Allah SWT.

# Sinergi Aidilfitri Motivasi Kesejahteraan Mental dan Spiritual

Oleh: Suhaila Sharil

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

**REMBAU, 19 JUN 2021:** Program Sinergi Aidilfitri Motivasi Kesejahteraan Mental dan Spiritual telah dianjurkan oleh Pelajar Khidmat Masyarakat II Universiti Teknologi MARA (UiTM Kampung Rembau) dengan kerjasama Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan, Persatuan Brigid Sukarelawan, Jawatankuasa Komander Kesatria, Barisan MPKK Rembau, Chengkau, Kundur, Pedas dan Kota serta Pertubuhan IKRAM Rembau secara atas talian. Sesi motivasi yang dikendalikan oleh Prof. Datin Dr. Sapora Sipon, Profesor Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini telah dihadiri oleh 284 orang peserta yang berkonsepkan Service Learning Malaysia University for Society (SULAM).



Antara objektif program ini adalah untuk mengetahui data kesejahteraan mental dan spiritual pelajar dan ibu tunggal, mengenalpasti punca masalah kesihatan mental dan langkah menanganinya. Program ini telah dirasmikan oleh Puan Nurul Nisha binti Mohd Shah, Penyelaras Unit Kepimpinan Pelajar, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau yang mewakili Penolong Rektor. Selain itu, Puan Hajah Jawiah binti Darmawan Timbalan Ketua Wanita IKRAM Negeri Sembilan merangkap Ketua Wanita IKRAM Rembau juga turut sama hadir memberi ucapan aluan serta barisan MPKK yang diwakili oleh Tuan Haji Shamsuri dan Encik Al-Arif Johan bin Mohd Sabri, Penolong Pegawai Kesatria, UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.

Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan penyakit mental adalah antara lima penyakit utama yang menyebabkan hilang upaya di seluruh dunia dan dijangkakan pada tahun 2020 penyakit ini akan menjadi penyebab kedua tertinggi manakala masalah kesihatan mental telah memberi kesan kepada tahap motivasi pelajar di mana pelajar didapati hilang fokus, hilang kebergantungan, memberi kesan kepada pencapaian gred dan membuatkan segelintir pelajar mengambil keputusan untuk berhenti belajar rentetan daripada tekanan yang dihadapi. Justeru, ujian *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) telah dilakukan terhadap pelajar pada sesi ini untuk mengetahui tahap kesejahteraan mental dan spiritual pelajar dan ibu tunggal.



Hasil dapatan ujian menunjukkan terdapat pelajar-pelajar yang menyatakan di ruangan komen bahawa mereka sangat tertekan berpunca daripada pelbagai faktor antaranya tugas (*assignment*), kurangnya komunikasi dengan rakan dan merasakan diri diambil kesempatan oleh orang lain dari sudut agihan kerja dalam tugas berkumpulan. Selain itu, terdapat juga pelajar yang dikuasai oleh rasa bersalah dan tidak mahu menimbulkan konflik di antara rakan-rakan. Hasil ujian ini turut mendapati terdapat soalan yang dikemukakan daripada Ketua Wanita IKRAM Rembau bagi menyantuni golongan ibu tunggal yang sifatnya sukar untuk dibantu.

Selain daripada sesi soal jawab, moderator program iaitu Suhaila binti Sharil juga telah mengendalikan kuiz istimewa untuk para peserta menerusi aplikasi Kahoot. Peserta yang berjaya menjawab soalan Kahoot membawa pulang hadiah berupa wang tunai. Kuiz ini telah dimenangi oleh Alia Soraya binti Mat Darus, diikuti dengan Akma Fatiha di tempat kedua dan Haziq menduduki tempat ketiga. Pada akhir sesi ini, urusetia telah menyediakan borang penilaian program beserta sijil atas talian kepada semua peserta.

Hasil kesinambungan program ini, pihak pengajur telah memberikan bantuan kepada 46 orang ibu tunggal di Kawasan Rembau dalam bentuk barang keperluan asas melalui kupon *Food to Share*. Profesor Datin Dr. Sapora Sipon telah mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa program Khidmat Masyarakat II UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan Jawatankuasa Wanita IKRAM Negeri Sembilan di atas usaha penganjuran program kesejahteraan mental dan spiritual ini. Semoga dengan adanya kerjasama seperti ini dapat memberi lebih impak kepada masyarakat dan menjadikan universiti sebagai satu ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam bentuk amali.

